

13/01/2000

Shahidan sahkan pertahan jawatan

Kamudin Baharom

KANGAR, Rabu - Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, mengesahkan akan mempertahankan kedudukannya sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) pada Perhimpunan Agung Umno, Mei ini.

Menurutnya, jawatan itu dianggap lebih layak baginya berbanding jawatan lain termasuk Naib Presiden parti.

"Saya sebagai gurkha parti percaya dan beranggapan bahawa jawatan yang paling layak ditandingi ialah ahli MT berbanding lainnya, termasuk Naib Presiden.

"Bagi saya, beberapa tokoh lain, termasuk yang sudah menawarkan diri bertanding jawatan Naib Presiden adalah lebih layak, malah mempunyai pengalaman luas bagi menduduki jawatan itu," katanya di pejabatnya, di sini, hari ini.

Shahidan yang juga ahli MT menyebut beberapa tokoh Umno yang dianggap mempunyai kelayakan menduduki jawatan ketiga tertinggi parti.

Antaranya, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang akan mempertahankan jawatan serta Datuk Rais Yatim, Abdul Ghani Othman, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Tengku Razaleigh Hamzah yang menawarkan diri masing-masing.

Shahidan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkata beliau akan memberikan sokongan kepada tiga calon yang akan bertanding bagi merebut jawatan Naib Presiden.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan nama calon pilihannya untuk disokong bagi jawatan itu pada perhimpunan Agung Umno itu.

Sementara itu, beliau berkata, Badan Perhubungan Umno negeri sudah memutuskan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak ditandingi pada mesyuaratnya pada 31 Disember lalu.

Pada mesyuarat yang dihadiri oleh semua ketua bahagian serta wakil rakyat it, bersetuju mencalonkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden parti manakala Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden.

(END)